



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

# **EKSPRESI SENI KANAK-KANAK PRASEKOLAH DALAM AKTIVITI SENI ( SATU KAJIAN KES )**

**MUHAMAD SUKRI BIN OSMAN**

**KAJIAN ILMIAH YANG DIKEMUKAKAN ADALAH  
UNTUK MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI  
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI SENI DAN MUZIK  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2007**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptb*ii*psi

## PENGAKUAN

Saya mengaku ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya

6 HB. APRIL 2007



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

(MUHAMAD SUKRI BIN OSMAN )

M2005T000206

PustakaTBainun



ptbups*i*



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbups*i*



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbiii si

## PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada penyelia saya,

En. Abdul Halim bin Husain dari Fakulti Seni dan Muzik, Universiti Sultan Idris.

Beliau sentiasa memberi galakan dan bimbingan kepada saya dalam merancang dan melaksanakan kertas projek ini. Tanpa motivasi serta bimbingan daripada beliau, kertas projek ini mungkin tidak mencapai ke tahap ini.

Terima kasih juga saya ucapkan kepada pensyarah-pensyarah:

Dr. Ahmad Suhaimi Mohd Noor, Prof. Madya Haji Iberahim Hassan, Prof. Dr. Tjetjep Rohendi Rohidi, Prof. Madya Dr. N.S. Rajendran dan En. Ruskang Jailani



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## ABSTRAK

### EKSPRESI SENI KANAK-KANAK PRASEKOLAH DALAM AKTIVITI SENI ( SATU KAJIAN KES )

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengkaji ekspresi seni kanak-kanak prasekolah dalam aktiviti seni iaitu dengan melihat aktiviti seni yang dilakukan di samping turut mengkaji bentuk ekspresi dan unsur yang wujud dalam ekspresi seni tersebut. Kajian ini melibatkan 5 orang responden yang terdiri daripada kanak-kanak prasekolah Sri Cempaka, Institut Perguruan Perlis, Perlis. Menerusi kajian literatur yang dijalankan, penyelidik mengklafikasikan aktiviti seni yang dilakukan adalah berdasarkan sukanan pelajaran iaitu mengikut bidang menggambar, membuat corak rekaan dan membuat bentuk binaan. Pada keseluruhannya kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif menerusi kaedah kajian kes iaitu dengan menggunakan teknik pemerhatian dan temubual. Analisis data secara interpretasi diskriptif digunakan dalam kajian ini bagi menjelaskan seberapa tepat yang mungkin tentang apa yang dikaji serta menstrukturkan semula data dalam bentuk realiti yang mudah difahami oleh pembaca. Dapatan kajian menunjukkan aktiviti seni yang paling diminati oleh kanak-kanak prasekolah adalah lukisan. Manakala ekspresi seni kanak-kanak dilihat semasa bermulanya lakaran imej yang digambarkan di dalam lukisan mereka. Hasil kajian menunjukkan wujudnya unsur naratif dalam lukisan yang telah dihasilkan. Implikasi daripada kajian mendapatkan bahawa kanak-kanak diperingkat prasekolah seharusnya di beri kebebasan selain daripada sokongan, motivasi dan sebagainya bagi merangsangkan kreativiti ekspresi mereka dalam menghasilkan karya.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## ABSTRACT

### **ART EXPRESSION BY PRE-SCHOOL CHILDREN'S IN ART ACTIVITIES (A CASE STUDY)**

The main objective of this research is to study the pre-school children's expression of art in art activities by looking at the activities that they do. Besides that, the other goal is to look into the sort of expression and the element that exist. This research includes five respondents among the Sri Cempaka pre-school children, Institut Perguruan Perlis, Perlis. Based on literature research that have been done, the researcher had classified the art activities as stated in the syllabus such as picturing, creating design pattern and constructing shape. This research is making use of the qualitative approach through the casework which utilized the observation and interviewing techniques. The data was analysed using descriptive interpretation to report what have been observed and to structure the data into reality of which will enable readers to understand. The finding of this research portrayed that pre-school children are very interested in drawing activity. Their art expressions are portrayed as they start sketching the images in their drawings. The research also showed that elements of narrative also appeared in the children's drawing. One pedagogical implication that can be extracted from this study is that pre-school children should be given freedom in their art production as to stimulate creativity of expressions. The children also should be given moral support and motivation in order for them to be more creative.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## KANDUNGAN

	<b>Muka Surat</b>	
PENGAKUAN	ii	
PENGHARGAAN	iii	
ABSTRAK	iv	
ABSTRACT	v	
<b>BAB 1</b>	<b>PENGENALAN</b>	
1.1	Latar Belakang Kajian	1
1.2	Permasalahan Kajian	4
1.3	Objektif Kajian	5
1.4	Persoalan Kajian	6
1.5	Kepentingan Kajian	6
1.6	Batasan Kajian	6
1.7	Kerangka Konsep	7
1.8	Definisi Konsep	8
1.9	Kesimpulan	9
<b>BAB 2</b>	<b>KAJIAN LITERATUR</b>	
2.0	Pengenalan	10
2.1	Literatur Berkaitan	15
2.2	Aktiviti Seni	17
2.3	Ekspresi Seni	21
2.4	Unsur Naratif	22
2.5	Kesimpulan	23
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI</b>	
3.0	Pengenalan	24
3.1	Reka Bentuk Kajian	24
3.2	Tumpuan Kumpulan Kajian	26
3.3	Persempelan	26
3.4	Lokasi Kajian	27
3.5	Alat Kajian	27





3.5.1	Pemerhatian	27
3.5.2	Temubual	28
3.5.3	Analisis Dokumen	29
3.5.4	Bahan Audiovisual	29
3.6	Prosedur Kajian	29
3.7	Pengumpulan dan Analisis Data	30
3.8	Kesimpulan	31

**BAB 4 DAPATAN KAJIAN DAN ANALISIS DATA**

4.0	Pengenalan	32
4.1	Dapatan Kajian	33
4.1.1	Temubual dan Pemerhatian Dengan Guru	33
4.2	Analisis Data	60
4.2.1	Analisis Temubual dan Pemerhatian	60
4.3	Kesimpulan	70

**BAB 5 RUMUSAN DAN KESIMPULAN**

5.0	Pengenalan	71
5.1	Ringkasan Kajian	72
5.2	Rumusan dan Kesimpulan	72
5.3	Implikasi Dapatan Kajian	77
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	78

**SENARAI RUJUKAN****LAMPIRAN****LAMPIRAN I** Ilustrasi/Gambar**LAMPIRAN II** Surat Memohon Kebenaran Menjalankan Kajian  
Ke Atas Aktiviti Seni Responden**LAMPIRAN III** Surat Kebenaran Menjalankan Kajian/Penyelidikan  
Daripada Institut Perguruan Perlis, Perlis



## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Latar Belakang Kajian:

Aktiviti seni di prasekolah terkandung di dalam Komponen Kreativiti dan Estetika. Ianya memberi fokus kepada memperkembangkan sifat kreatif dan ekspresif melalui imaginasi dan pemikiran. Interaksi serta penglibatan kanak-kanak yang aktif dalam pelbagai aktiviti seni membolehkan mereka menyatakan idea dan eksresi diri. Menerusi eksresi yang diluahkan ia dapat mempertingkatkan daya pengetahuan estetik dan diterjemahkan dalam bentuk tampak yang mudah difahami. Pengalaman diri penting kerana ia membantu kanak-kanak membina keyakinan diri dan mengenai cita rasa sendiri.

Melalui interaksi dalam aktiviti seni, kanak-kanak prasekolah dibawa meneroka untuk memerhati, mengenali dan menikmati keindahan alam sekeliling. Mereka juga diberi peluang untuk melahirkan perasaan dan memperkembangkan daya kreativiti mereka melalui aktiviti melukis, mewarna dan membuat kraf. Penglibatan aktif dalam aktiviti tersebut berupaya menggalakkan perkembangan kognitif, afektif dan psikomotor





kanak-kanak di samping memupuk nilai estetika. (Menurut Mazlan (1996), aktiviti melukis merupakan minat semulajadi seseorang kanak-kanak.)

✓ Aktiviti seni seperti melukis, boleh mendidik kanak-kanak untuk mengawal perasaan mereka secara lebih terkawal dan tersusun. Perasaan yang dimaksudkan di sini bukan melibatkan perasaan negatif sahaja seperti marah atau benci tetapi juga turut melibatkan perasaan yang halus, sepi, indah dan riang. Pernyataan ini turut diperkuatkan dengan kajian yang dijalankan oleh Moholy Nagey (1947), perkaitan antara emosi kanak-kanak dan aktiviti seni yang mana beliau mendapati bahawa cara yang terbaik untuk menghilangkan literasi emosi kanak-kanak ialah dengan melibatkan kanak-kanak tersebut dengan aktiviti seni seperti melukis.

Gardner dalam Mazlan (1996), mencadangkan agar orang dewasa menyediakan peluang kepada kanak-kanak untuk melakukan aktiviti seni tanpa disekat kerana kanak-kanak akan meluahkan apa yang mereka rasai dan mempunyai cerita tersendiri disebalik setiap olahan yang dihasilkan.

✓ Kanak-kanak prasekolah yang berumur lima hingga enam tahun merupakan golongan begitu sinonim dengan aktiviti seni iaitu melukis dan mewarna. Aktiviti seni merupakan salah satu aktiviti yang digemari sekali oleh kanak-kanak di prasekolah. Semasa kanak-kanak berinteraksi dalam aktiviti ini, wujud unsur-unsur rasa gembira dalam perkembangan psikologi mereka serta dapat dikaitkan dengan pembelajaran kreatif dari minat, aspek sosial, suasana dan budaya. Menurut Jerome Bruner (1960), bahawa kreativiti boleh dilatih menerusi kegiatan seni secara formal setiap kali kanak-kanak berhadapan dengan pengalaman seni. Contohnya, ketika mereka melukis, menampal, memotong, memahat ataupun mengecat.





Ekspresi seni kanak-kanak boleh dijadikan sebagai landasan kepada minat, kecenderungan, pencapaian dan hala tuju di samping turut mendorong seseorang kanak-kanak itu berfikir secara sistematik dan lebih tersusun. (Ibrahim Hassan, 2005) Namun demikian, gaya dan olahan mereka masih ringkas tanpa mengambil kira konsep gubahan yang sebenar. Dari segi psikologi, kanak-kanak peringkat ini masih terhad untuk berkomunikasi secara lisan terutamanya dari segi pertbaharaan kata. Oleh yang demikian, aktiviti seni seperti melukis dapat memberi peluang kepada mereka untuk melahirkan idea secara bebas.

Kebiasaan kanak-kanak di peringkat prasekolah banyak mengaplikasikan imej-imej yang ada di sekeliling dan persekitaran mereka semasa menghasilkan karya. Penghasilan lukisan ini juga dapat memberi kepuasan kepada kanak-kanak, malah kepuasan yang tercipta ini juga boleh membantu kepada perkembangan positif domain kognitif, efektif dan psikomotor kanak-kanak tersebut. (Dinmack, 1964)



Menurut Brown dalam Ibrahim Hassan (2000), bahawa pengalaman kanak-kanak di dalam memerhati ketika melukis atau membuat lakaran boleh meningkatkan keupayaan mereka di dalam pengamatan dan menambah pengetahuannya tentang adanya perbezaan imej-imej tampak yang terdapat di persekitaran kehidupan mereka. Latihan ini akan menyempurnakan lagi pengetahuan terhadap sifat objek yang berada di sekeliling mereka.

Kanak-kanak juga merupakan golongan yang hidup bermasyarakat dan saling berinteraksi dengan persekitaran mereka. Justeru itu, hasil daripada interaksi dengan ahli-ahli dalam masyarakat ini akan membantu menjana idea dalam pengolahan figura manusia yang berkemungkinan ibu bapa, adik beradik, guru rakan atau sesiapa sahaja menerusi lukisan yang dihasilkan. (Mulyadi, 1993)



## 1.2 Penyataan Masalah:

Aktiviti seni dalam pengajaran dan pembelajaran di prasekolah banyak memberi kesan terhadap perkembangan serta menyatakan pengalaman sehari-hari mereka tetapi kurang mendapat perhatian terutamanya oleh golongan dewasa. Malah ada yang berpendapat aktiviti seni kurang memberi apa-apa faedah kepada kanak-kanak terutamanya di zaman penggunaan komputer ini. Akibatnya sikap sambil lewa serta ambil mudah dalam aktiviti seni terus berlaku. Mereka tidak diberi bimbingan dengan sewajarnya.

Terdapat juga guru yang menyekat dan membataskan kehendak kanak-kanak prasekolah semasa mereka berinteraksi dalam aktiviti seni. Kebiasaan kanak-kanak diminta melakukan aktiviti mengikut kehendak dan cita rasa mereka, tanpa mengambil kira kehendak naluri kanak-kanak. Fenomena seperti ini juga akan memberi tekanan emosi dan kesan negatif kepada perkembangan kreativiti kanak-kanak. Umum mengetahui kanak-kanak merupakan manusia yang kreatif dan kekreatifan ini mula berkembang dengan pesatnya mengikut perkembangan dan peringkat umurnya.

Penekanan kepada budaya intelek sahaja tidak memungkinkan kanak-kanak melahirkan idea yang baik malah ekspresi seni kanak-kanak juga tidak dapat diluahkan. Untuk menjadikan seseorang kanak-kanak itu seorang yang cemerlang dari aspek jasmani, rohani intelek dan emosi, guru dan pihak sekolah serta ibu bapa tidak seharusnya melihat perkembangan intelek sahaja tetapi ekspresi kanak-kanak dalam apa juga cara harus dititikberatkan.

Menurut Cizek dalam Mazlan Mohamad (1996), daya kreativiti yang terdapat dalam seseorang kanak-kanak memerlukan jalan keluar untuk menyatakan ekspresi diri mereka. Justru itu kanak-kanak seharusnya diberi kebebasan serta peluang untuk mereka



menghasilkan apa yang mereka lihat atau berdasarkan pengalaman mereka sendiri bukannya mengikut kehendak orang lain.

Oleh yang demikian kanak-kanak perlu diberi ransangan, dorongan dan bimbingan semasa mereka berinteraksi dalam aktiviti seni. Selaras dengan pendapat Iberahim Hassan (2003), pelaksanaan Pendidikan Seni Visual terhadap kanak-kanak prasekolah adalah mempunyai hubungkait yang rapat dengan teori-teori perkembangan kanak-kanak itu sendiri. Dengan mengetahui teori perkembangan, seseorang guru diharapkan dapat melaksanakannya dalam pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan skemata sebagai panduan dalam menyediakan penerangan aktiviti artistik kanak-kanak.



### 1.3. 05 Objektif Kajian



Penyelidikan ini secara khusus bertujuan menjelaskan ekspresi seni kanak-kanak prasekolah dalam aktiviti seni.

1. Melihat aktiviti-aktiviti seni yang dilakukan oleh kanak-kanak prasekolah.
2. Mengenalpasti ekspresi seni kanak-kanak semasa berinteraksi dalam aktiviti seni.
3. Mengetahui unsur naratif yang wujud dalam ekspresi seni kanak-kanak prasekolah.





## 1.4 Persoalan Kajian

Masalah penyelidikan boleh dirumuskan dalam soalan kajian tentang bagaimana eksresi seni kanak-kanak prasekolah dalam aktiviti seni.

1. Apakah aktiviti seni yang dilakukan oleh kanak-kanak prasekolah?
2. Bagaimanakah eksresi seni kanak-kanak prasekolah dalam aktiviti seni?
3. Apakah unsur yang wujud dalam eksresi seni kanak-kanak prasekolah?

## 1.5 Kepentingan Kajian

1. Memberi gambaran kepada guru/aktiviti seni yang harus dilakukan dalam pengajaran dan pembelajaran supaya lebih bersesuaian dan berkesan.)
2. Sebagai panduan kepada guru dan juga pentadbir tentang(bahan-bahan yang diperlukan dalam aktiviti seni semasa pengajaran Pendidikan Seni Visual.)
3. Mendedah kepentingan aktiviti seni terhadap kanak-kanak prasekolah kepada ibu bapa.
4. Ibu bapa dan masyarakat dapat memberi penilaian yang positif terhadap penghasilan seni kanak-kanak di samping memberi dorongan supaya mereka lebih berminat dalam aktiviti seni.

## 1.6 Batasan Kajian


Kajian ini adalah mengenai interaksi kanak-kanak prasekolah dalam aktiviti seni dan terhad kepada beberapa batasan kajian, iaitu dari lokasi kajian, peringkat



umur dan sampel kajian. Ianya dijalankan ke atas kanak-kanak prasekolah di Prasekolah Sri Cempaka, Institut Perguruan Perlis yang terdiri daripada 33 orang kanak-kanak yang berusia antara lima hingga enam tahun.

Kajian yang dijalankan ini tertumpu kepada aktiviti-aktiviti seni yang dilaksanakan, ekspresi seni kanak-kanak dan unsur yang wujud dalam karya seni kanak-kanak prasekolah.

### 1.7 Kerangka Konsep



Rajah 1.1: Kerangka Konsep



## 1.8 Definisi Konsep

### i. Aktiviti seni

Aktiviti seni seperti melukis, mewarna, mencorak dan membentuk binaan. Berdasarkan kepada kajian-kajian yang dibuat, kanak-kanak sejak lahir adalah begitu senonim dengan aktiviti seni seperti melukis dan mewarna. Aktiviti seni dapat direkabentuk untuk membantu perkembangan dan pertumbuhan kanak-kanak pada setiap peringkat dari segi fizikal, mental, sosial, emosi, intelek dan estetik. Bila diberi peluang untuk bekerja dengan berbagai-berbagai bahan, cara dan teknik, kanak-kanak dapat meneroka secara kreatif dengan variasi yang tidak terhad dan tidak terkongkong.(Bahagian Pendidikan Guru; 2003).



### ii. Ekspresi

Ekspresi menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) bermaksud melahirkan perasaan dengan gerak-geri atau lain-lain tanpa menonjol simbol berlebihan dan tanpa mempedulikan persembahan. Ekspresi juga boleh diertikan sebagai luahan dalaman seseorang sama ada melalui perbuatan atau tindakan terhadap sesuatu perkara.

Terdapat pelbagai definisi yang digunakan oleh beberapa orang pengkaji untuk mentakrifkan tentang ekspresi. Setiap pengkaji mentakrifkan ekspresi dengan menggunakan latar belakang psikologi yang berbeza sebagai asas dalam pembentukan definisi berkenaan. Chapman (1978), menyatakan ekspresi bukan sekadar mod tingkah laku semula jadi kanak-kanak tetapi juga merupakan asas kepada kematangan.





### iii. Unsur Naratif

Mengikut prinsip psikologi, ekspresi seni seorang kanak-kanak adalah berkait rapat dengan unsur naratif atau penceritaan tentang sesuatu perkara dari dalam dirinya yang berbentuk lukisan (Mary, 2001). Unsur naratif yang terkandung dalam lukisan kanak-kanak adalah bertujuan diketahui oleh orang ramai walaupun dengan gaya dan pengolahan yang ringkas dan mudah. (Gaitskell *et al.*, 1970). Ianya cuba disampaikan melalui lakaran-lakaran yang membentuk imej atau simbol dalam karya mereka.

### 1.9 Kesimpulan

Kesimpulannya, bab ini adalah merumuskan tujuan kajian yang mengkaji ekspresi seni kanak-kanak prasekolah dalam aktiviti seni, dengan melihat aktiviti-aktiviti seni yang dijalankan, ekspresi seni kanak-kanak prasekolah dan unsur yang wujud naratif dalam ekspresi seni kanak-kanak prasekolah . Kajian yang akan dijalankan adalah berdasarkan kerangka konsep yang telah dibina. Pada keseluruhannya dalam bab satu ini menggambarkan permasalahan kajian, tujuan rasional kajian, definisi konsep dan kepentingan kajian ini.

